

31/01/1999

Polis beri kerjasama kepada suruhanjaya

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Siasatan yang ditubuhkan untuk menyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika dalam tahanan, September lalu.

Pemangku Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata walaupun pihaknya menyokong penubuhan suruhanjaya itu, polis tidak mempunyai sebarang peranan dalam penyiasatan yang akan dijalankan.

"Suruhanjaya itu mempunyai peranannya sendiri dan apa yang boleh saya janjikan ialah kita akan memberikan sepenuh sokongan kepada suruhanjaya dalam melaksanakan tugas mereka."

"Soal bagaimana prosidingnya (Suruhanjaya Siasatan) tidak berkaitan dengan PDRM tetapi kita tetap akan memberikan sepenuhnya maklumat yang diperlukan," katanya selepas menghadiri Upacara Perbarisan Tamat Latihan Inspektor di Pusat Latihan Polis (Pulapol), semalam.

Kecederaan Anwar, yang didakwa ditumbuk polis ketika dalam tahanan, mendapat perhatian pelbagai pihak yang mendesak siasatan dijalankan secara telus bagi menunjukkan pihak berkuasa bersikap adil.

Sehubungan itu, Rabu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan suruhanjaya yang dipengerusikan oleh bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Anuar Zainal Abidin dan dianggotai bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar, Pakar Bedah Ortopedik, Datuk Neoh Poh Hong serta bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman sebagai ketua penyiasat.

Serentak penubuhan suruhanjaya itu, yang boleh memanggil sesiapa sahaja untuk memberi keterangan, tugas Pasukan Penyiasat Khas yang ditubuhkan polis sebelum ini dihentikan.

Pasukan Penyiasat Khas, diketuai Asisten Komisioner Mat Zain Ibrahim.

Kes berkenaan diklasifikasikan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan dengan sengaja menyebabkan kecederaan.

Pada 5 Januari lalu, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, berkata polis bertanggungjawab atas beberapa kecederaan di bahagian tertentu tubuh Anwar dan mengarahkan siasatan lanjut dijalankan termasuk merakamkan pernyataan sembilan pegawai kanan polis, termasuk Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor.

Beliau juga berpendapat laporan yang dikemukakan oleh pasukan penyiasat polis itu tidak lengkap.

Norian bagaimanapun enggan mengulas mengenai siasatan oleh pasukan polis itu tetapi berkata bahawa beliau telahpun memberi keterangannya kepada pasukan itu.

"Apa yang saya boleh katakan ialah saya sudahpun memberi keterangan saya. Saya tidak tahu mengenai pihak lain," katanya.

Norian berkata, terserah kepada Suruhanjaya Siasatan itu untuk menentukan prosiding yang mereka perlukan bagi menjalankan siasatan.

Menurutnya, keputusan sama ada Pasukan Penyiasat Khas perlu mengemukakan laporan hasil siasatan mereka juga bergantung kepada keputusan Suruhanjaya Siasatan.

(END)